

Akta Sewa Beli dipinda

Lindungi hak pengguna, kawal tindakan penarik kereta: Ismail Sabri

AZIZAH SHAFIEI

BERA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNPK) akan meminda Akta Sewa Beli 1967 bagi memelihara hak-hak pengguna, termasuk tidak terus menjadi mangsa penarik kereta yang bertindak luar batasan.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, draf akta tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan kelulusan dan kini peringkat akhir penelitian sebelum dibentangkan di Dewan Parlimen.

"Di bawah pindaan Akta Sewa Beli, tindakan boleh diambil ke atas aktiviti menarik dan melelong kenderaan kerana amalan sekarang tidak telus. Melalui pindaan itu, tiada lagi penarik kereta di-



● Ismail Sabri (kanan) pada sidang media sempena penganugerahan pelajar cemerlang PMR, SPM dan STPM Parlimen Bera, semalam.

benarkan berbuat demikian kerana ia amat tidak adil dan membebankan pengguna.

"Kita berharap akta itu dapat dibentangkan pada sesi persidangan Parlimen yang sedang berlangsung," katanya pada sidang media sejurus majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pen-

capaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi Parlimen Bera di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, cadangan pindaan itu perlu disegerakan bagi memastikan pengguna negara ini di-

lindungi sepenuhnya dan tidak menjadi mangsa penarik kereta.

Menurutnya, melalui laporan yang diterima, terdapat institusi kewangan me- ngupah khidmat sam- seng untuk menggugat pemilik kereta menyebabkan ketenteraman pengguna ter- gugat.

Menurutnya, pengguna yang menghadapi situasi se- demikian berhak melaporkan kepada pihak berkuasa untuk mendapat perlindungan se- wajarnya.

"KPDNKK bukan saja bertanggungjawab menerima aduan mengenai hal ehwal pengguna, malah turut menerima aduan lain yang mem- babitkan kepentingan peng- guna, termasuk perumahan, komunikasi dan kemudiannya disalurkan kepada kementerian terbabit," katanya.